
FORMAT JAWAPAN SOALAN NOVEL SPM

Rangka Jawapan (Format)

Perenggan 1 (Pendahuluan)
- Berdasarkan novel yang telah saya kaji iaitu novel *Leftenan Adnan* karya Abdul Latip Talib dan novel *Tirani* karya Beb Sabariah, terdapat beberapa **[fokus soalan]** dalam kedua-dua novel tersebut.

Perenggan 2 (Novel Leftenan Adnan)
- Antara **[fokus soalan]** dalam novel *Leftenan Adnan* ialah **[peristiwa 1]**. Peristiwa ini menunjukkan **[fokus soalan]** kerana **[huraian peristiwa dengan lebih lanjut].**

Perenggan 3 (Novel Tirani)
- Dalam novel *Tirani* pula, **[fokus soalan]** ialah **[peristiwa 2]**. Peristiwa ini menunjukkan **[fokus soalan]** kerana **[huraian peristiwa dengan lebih lanjut].**



Contoh Jawapan Lengkap

Soalan: Huraikan peristiwa yang menunjukkan **semangat tidak berputus asa dan tidak mudah menyerah kalah** dalam kedua-dua buah novel yang telah anda kaji.

Jawapan:

Perenggan 1: **Berdasarkan novel yang telah saya kaji iaitu novel *Leftenan Adnan* karya Abdul Latip Talib dan novel Tirani karya Beb Sabariah,** terdapat beberapa peristiwa yang menunjukkan semangat tidak berputus asa dan tidak mudah menyerah kalah dalam kedua-dua buah novel tersebut.

Perenggan 2: **Antara** peristiwa yang menunjukkan semangat tidak berputus asa dan tidak mudah menyerah kalah **dalam novel** *Leftenan Adnan* **ialah** peristiwa seorang pegawai tentera tetap berjuang mempertahankan Bukit Candu daripada serangan tentera Jepun. Peristiwa ini menunjukkan semangat tidak berputus asa dan tidak mudah menyerah kalah kerana pegawai tersebut tetap mempertahankan tanah air walaupun bilangan tenteranya semakin berkurangan dan mereka menghadapi serangan musuh yang sangat hebat. Beliau tidak mahu menyerah kalah kepada tentera Jepun demi mempertahankan maruah bangsa dan negara.

Perenggan 3: **Dalam novel Tirani pula,** peristiwa yang menunjukkan semangat tidak berputus asa dan tidak mudah menyerah kalah **ialah** peristiwa seorang wanita berusaha membangunkan semula kehidupannya selepas menghadapi keruntuhan rumah tangga. Peristiwa ini menunjukkan semangat tidak berputus asa dan tidak mudah menyerah kalah kerana wanita tersebut tidak membiarkan kekecewaan dan kegagalan rumah tangganya memusnahkan masa depannya. Sebaliknya, beliau terus berusaha meneruskan kehidupan dan memberikan perhatian kepada anaknya.

Disediakan oleh **Cikgu Amir Saifullah, SMK Kepong**

SERTAI TELEGRAM SEARCH
@exercise_students
UNTUK TARGET/RAMALAN SPM !